



MAJLIS PENTAULIAHAN PASUKAN BOMBA KOMUNITI (PBK) DI SABAH



Pada 27 Ogos 2019, dalam siri lawatan kerja ke Sabah, YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin selaku Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah merasmikan Majlis Pertauliahan Pasukan Bomba Komuniti (PBK) Sabah. Turut hadir majlis ini adalah Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Datuk Noor Ihsan Che Mat dan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah, Kamarulzaman Malik Abdullah.

Menurut YB Puan Hajah Zuraida, sebanyak sembilan lagi pasukan PBK ditubuhkan di Sabah dan menjadikannya sebanyak 212 pasukan yang telah ditubuhkan di seluruh negeri Sabah sejak 2012. Beliau turut menjelaskan bahawa sebelum ini Sabah hanya mempunyai dua PBK, dengan keahlian sekitar 50 anggota pada awal penubuhannya. Sabah juga merupakan negeri yang mempunyai paling ramai PBK berbanding seluruh negeri lain di negara ini.



PBK memainkan peranan besar iaitu bukan sahaja semasa kebakaran malah semasa kejadian bencana. Selain daripada itu, pembabitan masyarakat dalam PBK yang dibuat secara sukarela mampu membantu JBPM untuk menjaga keselamatan

masyarakat, khususnya dari bahaya kebakaran. PBK diberi pendedahan berhubung pengetahuan asas mengenai keselamatan kebakaran seperti pencegahan kebakaran, demonstrasi memadam menggunakan alat pemadam api dan kaedah penyelamatan yang didedahkan dalam modul Bomba Komuniti. Ilmu ini secara tidak langsung dapat memberi manfaat kepada masyarakat sendiri kerana ia dapat diperaktikkan, malahan dapat diperluaskan kepada ahli keluarga, jiran tetangga dan komuniti dalam kampung atau penempatan selaras dengan objektif pelaksanaan PBK itu sendiri.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat